

Tiada minuman keras

Suria City Hotel Johor Bahru tepati kehendak syariah, bersih serta selesa Metro 20/1/2011 MS 18.

KEDUDUKAN di kawasan bandar menjadikan Suria City Hotel Johor Bahru di bawah jenama Suria Resorts & Hotels selepas Royal Cambridge Hotel London membuka pintu kepada pelanggan sejak Julai 2008.

Ia berkonsepkan kebersihan, moden, selesa dan berbaloi dengan wang anda.

Hotel ini menjadi tumpuan orang ramai terutama umat Islam kerana bebas daripada minuman keras, hiburan melampau selain hotel halal yang menepati kehendak syariah.

Ketua Pegawai Operasi Suria Resorts & Hotels, Nor Dalina Khalil, berkata hotel itu mendapat sambutan baik pengunjung asing dan tempatan sama ada bercuti di Johor Bahru atau urusan di Singapura.

Beliau berkata, kemudahan lengkap termasuk lapan bilik mesyuarat dan seminar menyebarkan hotel itu menerima sambutan dari sektor korporat dan kerajaan di Johor, Melaka dan Kuala Lumpur.



SELESA...bilik tidur yang bersih memang menjadi keutamaan Suria City Hotel Johor Bahru.

"Kami mempunyai 163 bilik termasuk Deluxe, Suite dan Standard yang dihias cantik dan dilengkapi kemudahan moden terkini.

"Sebaik melangkah ke bilik, mata pasti tertumpu kepada perabot dan hiasan dalamannya menarik dan terkini," katanya.

Menurutnya, dari bilik di tingkat atas, anda boleh melihat pemandangan Tambak Johor,

Singapura dan bandar raya Johor Bahru.

"Suasana lebih indah pada waktu malam, dengan lampu berwarna-warni sepanjang tambak Johor," katanya

Selepas puas berehat, anda boleh menikmati makanan tempatan dan luar Negara di Restoran Bunga Padi atau sekadar makanan ringan dan secawan kopi di lobi," katanya.



TERKINI...bilik mesyuarat dan seminar moden memberi keselesaan kepada pengunjung.

Jika mahu membeli-belah, kedudukan hotel itu hanya beberapa minit dari zon bebas cukai, pusat beli-belah di Johor Bahru atau Singapura.

Kemudahan lain yang disediakan termasuk Internet, kolam renang, lounge, tempat letak kereta dan pusat perkhidmatan pelanggan.

Jika mahu melihat sekitar Johor Bahru, perkhidmatan bas

boleh disediakan dengan kerjasama syarikat pelancongan.

"Antara tempat menarik boleh dikunjungi ialah Pantai Lido, Kawasan Bebas Cukai Stulang Laut, Teluk Danga, Zoo Johor, Galeri Seni dan kampung nelayan di Kukup.

Hotel itu kini menjadi lokasi ideal ke Singapura bagi melawat Universal Studios dengan dekat

dengan tambak Johor.

"Kami menyediakan pengangkutan dari hotel ke Universal Studios dengan kos berpatutan.

"Jika berkereta dari Kuala Lumpur, ia hanya mengambil masa empat jam atau 30 minit jika menggunakan kapal terbang," katanya.

Bagi menghargai pelanggan setia, pihaknya menawarkan promosi harga bilik standard tanpa sarapan dari RM98 dan RM148 termasuk sarapan pagi untuk dua dewasa bagi bilik Deluxe.

"Kami turut menyediakan harga istimewa untuk pelanggan yang tinggal untuk tempoh yang lama," katanya.

Promosi makan bagi Januari dan Februari termasuk promosi makan tengah hari ayam penyot dari RM10 (Isnin-Jumaat) dan nasi lemak dan kopi O dengan harga RM5 dari jam 4 petang.

Maklumat lanjut, hubungi Suria City Hotel di talian 07-2231791/03-78064752 atau laman web : www.suriaresorts.com.